

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN****Ministry of Agriculture and Food Industries**

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my**KENYATAAN MEDIA
PENANGGUHAN FI PERMIT MAKANAN TERNAKAN**

1. Sebagai langkah melaksanakan keputusan Kerajaan bagi memastikan sekuriti makanan dalam negara terjamin, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perkhidmatan Kuarantin & Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) akan memudah cara prosedur import ke atas empat komoditi makanan ternakan terdiri daripada jagung, soya, gandum dan komoditi proses berasaskan haiwan dan tumbuhan bagi tujuan penyediaan makanan ternakan.
2. Pelaksanaan bagi memudahcara pengimportan komoditi tersebut adalah melalui **Penangguhan Kutipan Fi Permit** yang dikenakan sebelum ini **bermula pada 21 Jun 2022** seperti berikut :

Bil	Komoditi	Kadar Fi Import	Pelaksanaan
1.	Jagung	RM15.00 setiap permohonan permit	Ditangguhkan
2.	Gandum	RM15.00 setiap permohonan permit	Ditangguhkan
3.	Soya	RM15.00 setiap permohonan permit	Ditangguhkan
4.	Makanan Ternakan Lain Berasaskan Haiwan Dan Tumbuhan	RM20.00 setiap permohonan permit	Ditangguhkan

3. MAQIS juga akan melaksanakan proses kemasukan pantas di pintu-pintu masuk negara bagi komoditi tersebut dalam usaha melancarkan proses pengimportan dan sekaligus mengurangkan kos logistik yang terlibat dalam aktiviti pengimportan.
4. Kos bahan mentah makanan ternakan yang tinggi dalam industri ternakan telah dikenalpasti sebagai salah satu faktor kenaikan harga bahan makanan seperti ayam bulat dipasaran tempatan. Sebahagian besar komoditi bahan mentah bagi tujuan makanan ternakan iaitu soya, gandum, jagung dan makanan ternakan berasaskan haiwan diimport dari luar negara. Penangguhan fi permit bagi pengimportan komoditi tersebut dapat membantu mengurangkan kos logistik dalam usaha menstabilkan harga makanan ternakan dalam negara.

5. Kementerian melalui MAQIS akan terus komited dalam memudahcara urusan pengimportan bahan makanan ke dalam negara di samping memastikan semua kemasukan adalah bebas daripada isu-isu biosekuriti. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan mengenai tatacara pengimportan atau pengeksportan komoditi pertanian dan agromakanan, boleh dikemukakan melalui email kepada feedback@maqis.gov.my

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

21 JUN 2022